

31 DEC 1999

Mahathir-Rotary

MAHATHIR TERIMA ANUGERAH TOKOH ROTARY

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima Rotary Man of the Millennium Award

daripada Rotary International District 3300.

Anugerah itu ialah sebagai menghargai sumbangan beliau kepada kemajuan

dan pembangunan negara dan yang terbaru kejayaan Perdana Menteri membawa

negara keluar daripada krisis ekonomi serantau.

Gabenor District 3300, Datuk Jaafar Mohd Ali, menyampaikan anugerah itu

pada persidangan ke-65 pertubuhan itu di sini. Yang turut hadir ialah Datin

Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Kelab Rotary, pertubuhan yang dianggotai oleh tokoh perniagaan dan

profesional, menawarkan khidmat kemanusiaan selain memupuk etika yang

tinggi serta membantu memupuk muhibah dan keamanan.

District 3300 yang mempunyai 53 kelab meliputi kebanyakan negeri-negeri

di Semenanjung Malaysia.

Ketika berucap, Dr Mahathir yang juga anggota Rotary semasa zaman

mudanya di Alor Setar berkata perubahan pesat teknologi, kewujudan dunia

tanpa sempadan dan kepesatan pengaliran teknologi memberi kesan besar

kepada masyarakat.

Dalam konteks ini, amatlah penting bagi rakyat Malaysia bersedia untuk

mendepani perubahan-perubahan ini, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, yang kaya, yang miskin, golongan bernasib baik dan

golong kurang bernasib baik harus diberi peluang untuk memanfaatkan bersama

akses kepada teknologi dan infrastruktur moden.

-- BERNAMA

GM/AFY FAZ